

19/11/2003

`Elak guna nama Pak Lah'

KUALA LUMPUR: Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, menyarankan semua pihak di negara ini, termasuk media tidak lagi memanggil Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggunakan nama timang-timangan Pak Lah.

Beliau meminta mereka memberi pengiktirafan dan penghormatan dengan memanggil Perdana Menteri sebagai Datuk Seri Abdullah seperti bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, penghormatan perlu supaya orang luar, termasuk wartawan asing tidak terikut-ikut memanggil Perdana Menteri dengan panggilan Pak Lah kerana ia seolah-olah memperkecil-kecilkan pemimpin negara ini.

Rafidah berkata, walaupun rakyat di negara ini mesra dengan Perdana Menteri dan sayangkan beliau serta sudah kenal lama, lebih elok dipanggil Datuk Seri berdasarkan kedudukan beliau.

"Eloklah kita jangan panggil dia Pak Lah kerana dia Perdana Menteri kita. Tun Dr Mahathir pun ada nama timangan Che Det, tapi tidak ada siapa tergamak memanggil beliau dengan gelaran itu kerana kita hormat beliau.

"Eloklah kita sebagai rakyat Malaysia sendiri memulakan budaya memanggil Perdana Menteri kita dengan panggilan Datuk Seri Abdullah, bukan lagi Pak Lah," katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian sumbangan Hari Raya anjuran Pergerakan Wanita Umno Bahagian Seputeh dan Metrojaya, di Metrojaya Mid Valley, semalam.

Rafidah juga berkata, budaya memberi pengiktirafan kepada Perdana Menteri patut dimulakan oleh rakyat negara ini sendiri.